



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERKAITAN ANTARA PERSONALITI PELAJAR DAN TINGKAH LAKU
PENGAJARAN GURU DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI KAJANG, SELANGOR, MALAYSIA**

ROSLINA RAZALI

FEM 2011 7

**PERKAITAN ANTARA PERSONALITI PELAJAR DAN TINGKAH LAKU
PENGAJARAN GURU DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI KAJANG,
SELANGOR, MALAYSIA**



Oleh

ROSLINA RAZALI

Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,

Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan

Untuk Ijazah Master Sains

Mac 2011

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERKAITAN ANTARA PERSONALITI PELAJAR DAN TINGKAH LAKU
PENGAJARAN GURU DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI KAJANG, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ROSLINA RAZALI

Mac 2011

Pengerusi: Mariani Mansor, Ph D

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perkaitan antara personaliti pelajar dan tingkah laku pengajaran guru dengan pencapaian Matematik. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data dalam kajian tinjauan ini. Personaliti pelajar diukur menggunakan '*Junior Eysenck Personality Inventory*' (JEPI) manakala tingkah laku pengajaran guru diukur menggunakan '*Teacher Behaviour Questionnaire*' (TBQ). Responden kajian yang terdiri daripada 335 orang pelajar tingkatan empat di Kajang, Selangor telah dipilih secara pensampelan berkelompok. Data-data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan menggunakan kaedah Korelasi Pearson dengan bantuan SPSS versi 16.0. Dapatan deskriptif menunjukkan jenis personaliti yang utama dalam kalangan pelajar tingkatan empat adalah ekstrovert, diikuti oleh neurotik, stabil dan introvert. Personaliti ekstrovert mendominasi dalam semua kategori pencapaian Matematik, diikuti oleh personaliti neurotik. Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar

memberikan persepsi atau respon yang baik terhadap semua dimensi tingkah laku pengajaran guru yang terdiri daripada kemesraan guru, tingkah laku kognitif guru, bimbingan guru, maklum balas guru, dorongan guru dan kesungguhan guru. Data inferensi menunjukkan terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian Matematik dengan aturan kelahiran pelajar ($r = -.120, p \leq .05$), jumlah tahun pendidikan formal ibu ($r = .375, p \leq .01$), jumlah tahun pendidikan formal bapa ($r = .421, p \leq .01$), pendapatan keluarga ($r = .348, p \leq .01$), kemesraan guru ($r = .189, p \leq .01$), tingkah laku kognitif guru ($r = .172, p \leq .01$), bimbingan guru ($r = .157, p \leq .01$), maklum balas guru ($r = .345, p \leq .01$), dorongan guru ($r = .204, p \leq .01$) dan kesungguhan guru ($r = .113, p \leq .05$). Sebaliknya, tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pencapaian Matematik pelajar dengan bilangan adik-beradik, skala personaliti ekstroversi dan skala personaliti neurotisme. Kesimpulannya, personaliti pelajar bukan faktor penentu pencapaian Matematik. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tingkah laku pengajaran guru memberi kesan terhadap pencapaian Matematik pelajar. Justeru, implikasi dapatan kajian mencadangkan agar tingkah laku pengajaran guru yang berkesan wajar diamalkan sebagai satu strategi dalam proses P&P Matematik bagi meningkatkan pencapaian Matematik pelajar.

Abstract submitted to the Senate of the University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master Science

**RELATIONSHIP BETWEEN STUDENT'S PERSONALITY AND
TEACHER'S TEACHING BEHAVIOUR WITH MATHEMATICS
ACHIEVEMENT AMONG FORM FOUR STUDENTS IN KAJANG,
SELANGOR, MALAYSIA**

By

Roslina Razali

March 2011

Chairman: Mariani Mansor, Ph D

Faculty: Human Ecology

This study was carried out in order to identify the relationship between student's personality and teacher's teaching behaviour with Mathematics achievement. The student's personality was measured by using 'Junior Eysenck Personality Inventory' (JEPI) questionnaire while the teacher's teaching behaviour was measured by using the 'Teacher Behaviour Questionnaire' (TBQ). The respondents of the study consisted of 335 form four students in Kajang, Selangor. They were selected using clustered sampling. Descriptive and inferential analyse were used to analyse the data by using SPSS version of 16.0. Descriptive findings showed that the main personality types among the form four students were extrovert followed by neurotic, stable and introvert. Extrovert personality dominated in all categories of Mathematics achievement followed by neurotic personality. The results also showed that the students had good perception on all dimensions of teacher's teaching behaviours,

such as teacher's warmth, teacher's cognitive behaviour, teacher's guidance, teacher's feedback, teacher's stimulations and teacher's involvement/commitment. Inferential data showed that there were significant correlations between students birth order ($r = -.120, p \leq .05$), the years of mother's formal education ($r = .375, p \leq .01$), the years of father's formal education ($r = .421, p \leq .01$), household income ($r = .348, p \leq .01$), teacher's warmth ($r = .189, p \leq .01$), teacher's cognitive behavior ($r = .172, p \leq .01$), teacher's guidance ($r = .157, p \leq .01$), teacher's feedback ($r = .345, p \leq .01$), teacher's stimulations ($r = .204, p \leq .01$) and teacher's commitment ($r = .113, p \leq .05$) with students' Mathematics achievement. In contrast, analysis showed that there was no significant correlation between the number of siblings, extroversion personality scale and neurotism personality scale with the student's Mathematics achievement. In conclusion, analyse showed that the student's personality does not relate to students' Mathematics achievement. However, the research finding showed that teacher's teaching behaviours did affect student achievement in Mathematics. Thus, the implications of this study suggest that effective teaching behaviours must be adopted as one of the strategie in the process of learning Mathematics in order to improve the students' achievement in Mathematics.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi mengasihani. Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, tesis ini dapat disiapkan.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Yang Berbahagia Dr. Mariani Mansor (Ph D) selaku pengerusi dan Yang Berbahagia Dr. Siti Nor Yaacob (Ph D) selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan di atas segala bimbingan, dorongan dan sokongan yang diberi selama ini. Seterusnya, sekalung penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi biasiswa dan semua pihak yang turut sama terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, pengetua dan guru-guru serta para pelajar yang telah memberi kerjasama dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

Akhirnya, penulis amat menghargai pengorbanan yang diberi oleh suami, Dr. Mohamad Hussin Mohamad Yusof dan anak-anak tersayang iaitu Mohamad Arsyad, Muhammad Fakhrurazi, Nur Faatihah, Muhammad Syukri, Muhammad Firdaus, Nur Fathi Aisyah dan Nur Fahim Dalilah yang sentiasa memahami, menyuntik semangat dan memberi galakan untuk terus belajar. Tidak lupa terima kasih diucapkan kepada ibu mertua, ahli-ahli keluarga dan sanak saudara yang mendoakan ketenangan dan kejayaan saya. Sekelumit Al-Faatihah buat ibu dan ayah serta bapa mertua yang telah kembali ke rahmatullah, semoga Allah sentiasa mencucuri rahmat ke atas roh mereka. Semoga Allah menerima amal kita semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mariani Mansor, Ph D

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Nor Yaacob, Ph D

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



HASANAH MOHD GHAZALI, Ph D

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



ROSLINA BINTI RAZALI

Tarikh: 8 Mac 2011

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB	
I PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Kepentingan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.4.1 Objektif Umum	13
1.4.2 Objektif Khusus	13
1.5 Hipotesis Kajian	14
1.6 Kerangka Kajian	15
1.6.1 Kerangka Teoretikal Kajian	15
1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.7 Limitasi Kajian	24
1.8 Definisi Pembolehubah Kajian	25
1.9 Rumusan	31
 II TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Profil Latar Belakang	32
2.1.1 Profil Keluarga dan Pencapaian Pelajar	32
2.1.2 Pencapaian Matematik	37
2.2 Psikologi Perkembangan Kanak-kanak	44
2.2.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	44
2.2.2 Teori Perkembangan Kognitif Bruner	47
2.2.3 Implikasi Teori Perkembangan Kognitif Terhadap Tingkah laku Pengajaran Guru	51
2.3 Dimensi Personaliti	54
2.3.1 Teori Personaliti Carl Jung	54
2.3.2 Teori Personaliti Eysenck	58
2.3.3 Implikasi Teori Personaliti Terhadap Tingkah laku Pengajaran Guru	62
2.4 Personaliti dan Pencapaian Akademik	64
2.5 Tingkah Laku Pengajaran Guru	68
2.6 Tingkah Laku Pengajaran Guru Dan Pencapaian Matematik	75
2.7 Rumusan	80

III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Reka Bentuk Kajian	82
3.2	Lokasi Kajian	82
3.3	Subjek Kajian	83
3.4	Alat Kajian	88
3.4.1	Instrumentasi Dan Pengukuran Pembolehubah	89
3.4.1.1	Personaliti Pelajar	89
3.4.1.2	Tingkah laku Pengajaran Guru	93
3.4.1.3	Pencapaian Matematik	97
3.5	Kajian Rintis	98
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	99
3.7	Kebolehpercayaan Item Soal selidik	100
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	103
3.9	Penganalisan Data	105
3.10	Rumusan	107
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Memperihal Profil Latar Belakang Responden dan Keluarga	109
4.1.1	Latar Belakang Responden	109
4.1.2	Latar belakang Ibu Bapa	115
4.1.2.1	Jumlah Tahun Pendidikan Formal dan Pekerjaan Ibu dan Bapa	116
4.1.2.2	Pendapatan Bulanan Keluarga	120
4.2	Jenis Personaliti Dan Tahap Pencapaian Matematik Responden	121
4.3	Tahap Tingkah Laku Pengajaran Guru Matematik	126
4.4	Perkaitan Antara Profil Latar Belakang Responden Dan Keluarga Dengan Pencapaian Matematik	129
4.5	Perkaitan Antara Dimensi Personaliti Pelajar Berdasarkan Skala Ekstroversi Dan Skala Neurotisme Dengan Pencapaian Matematik Responden	135
4.6	Tingkah Laku pengajaran Guru Dan Pencapaian Matematik	139
4.7	Rumusan	148
V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN PADA MASA HADAPAN	
5.1	Ringkasan Kajian	149
5.2	Kesimpulan	152
5.3	Implikasi Dan Cadangan	156
5.4	Rumusan	163
	BIBLIOGRAFI	164
	LAMPIRAN	
A1	Instrumen Kajian (Soal Selidik)	173
B1	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	183
C1	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	185
C2	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Selangor	186
C3	Surat Kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat	188
	BIODATA PELAJAR	189